

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**[ Pengerang ]**  
**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 6**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) statistik bagi jenayah seksual kanak-kanak yang dituduh, dibicarakan dan dijatuhi hukuman sejak Akta tersebut dikuatkuasakan sehingga Ogos 2019 mengikut negeri, jenis kesalahan-kesalahan, jantina serta umur pelaku dan mangsa; dan
- b) cabaran yang dihadapi pihak pendakwa raya dan hakim dalam mengendalikan kes-kes ini.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] yang telah dibentangkan oleh YB sendiri pada setika masa terdahulu dan telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 10 Julai 2017. Akta ini memperuntukkan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual lain terhadap kanak-kanak dan hukumannya dalam undang-undang bertulis yang lain.

**NO. SOALAN: 6**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) merekod data statistik berdasarkan jumlah kes didaftar dan cara penyelesaian kes. Maklumat terperinci seperti jenis kesalahan, jantina serta umur pelaku dan mangsa hanya direkodkan dalam setiap fail individu. Berikut merupakan statistik pendaftaran dan pelupusan kes yang merekodkan sabitan:

NEGERI	DAFTAR (KES BARU)			SELESAI DENGAN SABITAN		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Johor	102	92	66	20	21	21
Kedah	14	81	18	10	26	2
Kelantan	32	94	35	27	39	6
Melaka	5	61	27	11	16	
Negeri Sembilan	32	72	56	12	7	2
Pahang	59	123	62	35	39	7
Pulau Pinang	19	62	40	16	17	1
Perak	26	73	66	23	20	4
Perlis	3	19	26	11	3	
Selangor	40	786	147	48	50	2
Terengganu	29	53	55	15	29	4
Sabah	92	83	70	42	33	6
Sarawak	60	187	91	58	54	7
WPKL						
Putrajaya	297	164	219	59	70	258
<b>JUMLAH</b>	<b>810</b>	<b>1950</b>	<b>978</b>	<b>387</b>	<b>424</b>	<b>320</b>

Cabaran yang dihadapi pihak Pendakwa Raya; antaranya:-

Pengendalian kes yang melibatkan saksi atau mangsa kanak-kanak bagi kes jenayah termasuk kes jenayah seksual adalah berdasarkan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

[Akta 676] dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

Jenayah seksual terhadap kanak-kanak kini adalah lebih rumit seiring dengan perkembangan teknologi. Dengan perkembangan teknologi ini membuatkan kerja pendakwaan lebih mencabar.

Pengendalian mangsa/saksi semasa perbicaraan terutama saksi kanak-kanak memerlukan kesabaran dan kepakaran yang berbeza berbanding saksi dewasa. Saksi kanak-kanak ini merupakan golongan yang sensitif yang memerlukan perhatian yang rapi. Dimana ada kalanya saksi kanak-kanak enggan dan sukar untuk memberi keterangan di dalam mahkamah. Semua pihak terpaksa menunggu lama untuk saksi kanak-kanak memberi keterangan. Ini menyulitkan TPR untuk mengendalikan perbicaraan.

Berkenaan dengan keterangan saksi kanak-kanak, Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 memperuntukkan peruntukan khusus tentang kelayakan seseorang kanak-kanak yang memberikan keterangan, jenis keterangan, syarat penerimaan serta kesan keterangan kanak-kanak.

Kemampuan dan kredibiliti kanak-kanak dalam memberikan keterangan di mahkamah sering dipertikaikan. Adakalanya cerita berubah-ubah dari masa ke semasa ketika perbicaraan berjalan. Saksi kanak-kanak masih terlalu muda untuk memberi keterangan dan banyak keterangan kanak-kanak tidak jelas, kerana bergantung kepada pemahaman kanak-kanak itu sendiri. Daya ingatan kanak-kanak juga terbatas mengikut umur. Walaubagaimanapun mengikut seksyen 17 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) anggapan keupayaan saksi kanak-kanak adalah seseorang kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberi keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat sebaliknya.

Terdapat juga mangsa (kanak-kanak) yang masih bayi (*tender age*) yang tidak dapat memberi keterangan bagi membuktikan OKT adalah

## NO. SOALAN: 6

orang yang telah melakukan jenayah seksual terhadapnya sama ada keterangan langsung ataupun tidak langsung.

Keterangan kanak-kanak yang tidak disokong (“uncorroborated”). Sekarang dengan adanya Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792), permasalahan ini telah dapat diatasi dan membantu dalam kebolehterimaan keterangan kanak-kanak. Seksyen 18 Akta 792 memperuntakkan bahawa mahkamah boleh mensabitkan seseorang bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak apabila keterangan diberikan dengan sumpah atau selainnya.

Keterangan dalam rakaman video bagi kanak-kanak (Child Interview Center – CIC), yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 bahawa keterangan kanak-kanak boleh dirakamkan dalam video dan cara-cara bagaimana rakaman video tersebut dimasukkan kepada mahkamah sebagai keterangan. Kekangan-kekangan yang wujud bagi penyediaan rakaman video adalah kemudahan di pusat CIC tidak diselenggara dengan baik yang menyebabkan kerosakan kepada peralatan rakaman video (“audio visual”). Ini disebabkan oleh kekangan bajet. Tambahan itu juga keperluan di bawah undang-undang bagi penyediaan transkrip tidak dapat dipatuhi sepenuhnya.

Mengikut seksyen 6 Akta 676, rakaman video merupakan pemeriksaan utama namun kebanyakan penemubual tidak terlatih untuk menjalankan pemeriksaan utama kerana banyak soalan yang berbentuk soalan memimpin (“*leading question*”). Ini menyebabkan CIC tidak diterima oleh mahkamah.

Terdapat ahli keluarga yang tidak memberikan kerjasama atau sokongan kepada mangsa (kanak-kanak) terutama dalam kes yang melibatkan hubungan keluarga. Gangguan dan tekanan dari pihak keluarga dan ahli-ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian membuatkan mangsa (kanak-kanak) tertekan dan kesudahannya menarik balik kes.

## NO. SOALAN: 6

Apabila siasatan telah lengkap dan sedia untuk perbicaraan, terdapat mangsa kanak-kanak dan ahli keluarga enggan meneruskan kes dan membuat laporan tarik balik. Terdapat juga penyelesaian diluar mahkamah yang tidak diketahui oleh TPR seperti pembayaran pampasan berkahwin dan sebagainya.

Kemudahan fasiliti di Mahkamah untuk saksi kanak-kanak adalah terhad. Walaupun Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (676) memperuntukkan beberapa cara bagi mengambil keterangan kanak-kanak di bawah seksyen 3 dan seksyen 4. Kemudahan ini tidak disediakan kerana kekangan budget. Tiada bilik video link, penghadang, patung anatomi dan sebagainya.

Ketiadaan peruntukkan undang-undang dan kemudahan yang boleh membantu saksi kanak-kanak yang mempunyai kelainan upaya (OKU), masalah percakapan, peka-bisu, bayi dan sebagainya.

Ada juga kes yang melibatkan pasangan kekasih di mana mangsa adalah kanak-kanak. Mangsa kanak-kanak ini lebih memihak kepada OKT. Pengadu selalunya bukanlah mangsa sendiri seperti ibu mangsa, cikgu mangsa, doktor yang merawat mangsa dan lain-lain. Pengadu ini yang beriya untuk meneruskan kes berbanding mangsa sendiri. Makanya mangsa merahsiakan cerita sebenar dan berdolak dalih semasa perbicaraan.

Kehadiran saksi-saksi bagi kes seksual kanak-kanak tidak memuaskan. Walaupun sepina telah dikeluarkan kepada saksi-saksi. Mangsa sendiri tidak berminat untuk hadir. Ini menyebabkan berlakunya kes DNAA oleh mahkamah. Jika waran tangkap dikeluarkan terhadap mangsa dan saksi-saksi lain membuatkan mereka jadi marah dan langsung tidak mahu memberi kerjasama.

Sekian, terima kasih.